

JAWATAN : JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN GRED U29

Kumpulan : **Pelaksana**

Jadual Gaji : **RM1,797.00 - RM 5,753.00**

Taraf Jawatan : **Tetap**

SYARAT LANTIKAN

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Diploma dalam bidang teknologi makmal perubatan atau bidang berkaitan mikrobiologi perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM 1,797.00); dan
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang berikut akan diberi keutamaan:
 - **Patologi**

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan pendiagnosan sampel darah, sampel nanah, urin, bendalir badan dan sampel respiratori secara profesional. Mahir teori dan teknikal untuk mengenalpasti organisma penyebab penyakit bagi menyediakan laporan ujian yang berkualiti, tepat, cepat dan dipercayai, serta memberi khidmat nasihat bagi memenuhi keperluan dan harapan pihak berkepentingan (*stakeholders*).